

KENYATAAN MEDIA

SESI WALKABOUT YB DATO' SRI HAJAH ROHANI ABDUL KARIM KE KEDAI RAKYAT 1MALAYSIA (KR1M) PUSA, SARAWAK

20 MAC 2016 (AHAD)

1. Kedai Rakyat 1 Malaysia (KR1M) telah diilhamkan oleh Perdana Menteri Malaysia, Y.A.B. Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Abdul Razak berikutan keprihatinan beliau untuk membantu rakyat berpendapatan rendah yang tinggal di kawasan bandar. Inisiatif ini juga adalah selaras dengan gagasan 1Malaysia, "Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan".
2. KR1M berkonsepkan kedai serbaneka yang menyediakan **pelbagai barangan keperluan isi rumah** berjenama **1Malaysia Kedai Rakyat (1MKR)** dan **harga yang ditawarkan adalah sehingga 50% lebih rendah berbanding dengan jenama terkenal** dan kualiti tetap diutamakan. Harga produk 1MKR adalah seragam di seluruh negara.
3. Sebanyak **234 jenis produk (SKU) dijual di KR1M yang merangkumi produk makanan dan bukan makanan.**
4. **Keselamatan dan kualiti produk 1MKR sentiasa dititikberatkan.** Setiap produk makanan yang dijual di KR1M mestilah mendapat Makanan Selamat Tanggungjawab Industri (MeSTI) yang dikeluarkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia dan persijilan halal daripada JAKIM terlebih dahulu. Manakala produk-produk lain perlu mematuhi peraturan atau akta yang diseliakan oleh agensi-agensi Kerajaan berkaitan.
5. Pada tahun 2015, sebanyak **24 buah KR1M dibangunkan di seluruh negara termasuk 3 buah di Sarawak** dan sehingga kini, sebanyak **185 buah KR1M telah beroperasi di seluruh negara.**

6. Sebanyak 33 buah KR1M di Sarawak di 25 kawasan Parlimen yang telah beroperasi sehingga kini ialah:

- i. Santubong (2 buah),
- ii. Petra Jaya (2 buah),
- iii. Bandar Kuching,
- iv. Stampin (3 buah),
- v. Kota Samarahan,
- vi. Mambong,
- vii. Serian,
- viii. Batang Lupar,
- ix. Sri Aman,
- x. Lubok Antu,
- xi. Betong,
- xii. Saratok,
- xiii. Sarikei,
- xiv. Kanowit,
- xv. Lanang,
- xvi. Sibu,
- xvii. Mukah,
- xviii. Selangau,
- xix. Kapit,
- xx. Bintulu (2 buah),
- xxi. Sibuti (2 buah),
- xxii. Miri (2 buah),
- xxiii. Baram,
- xxiv. Limbang, dan
- xxv. Lawas.

7. KR1M Daerah Pusa ini telah dibuka pada 9 November 2013. KR1M ini **seluas 3,933 kaki persegi** dengan **purata jualan** sebanyak **RM101,105.03 sebulan**.

8. Kerajaan sedang dalam proses mengenalpasti lokasi yang sesuai di Sarawak bagi pembangunan KR1M di enam (6) kawasan Parlimen yang masih belum mempunyai KR1M.
9. Sekiranya sasaran ini berjaya dicapai, negeri Sarawak akan mencapai sasaran sebuah KR1M bagi setiap kawasan Parlimen. Ini menunjukkan bahawa Kerajaan serius terhadap isu kos sara hidup khususnya bagi rakyat di Sarawak.
10. Kerajaan juga sedia mempertimbangkan permohonan untuk mempunyai lebih dari sebuah KR1M di kawasan Parlimen pada masa akan datang bergantung kepada kesesuaian lokasi dan permintaan.

**Kementerian Perdagangan Dalam Negeri,
Koperasi dan Kepenggunaan**
20 Mac 2016